



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8
Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

PPS

Ruj. Kami : KP(BTP-PENT)S/8800/50/28 (11)

Tarikh : 25 November 2014

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,



PENGAGIHAN NETBOOK 1MALAYSIA SUMBANGAN SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (SKMM) KE SEKOLAH-SEKOLAH DAN PUSAT KEGIATAN GURU (PKG), KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa bil. KP.R(TQM)1006/Jld.22 (49) bertarikh 24 Oktober 2014 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman, Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 17 Oktober 2014 telah bersetuju bahawa di bawah program pengagihan *Netbook 1Malaysia*, *netbook* ini akan diagihkan ke sekolah dan ditempatkan di makmal komputer sekolah serta Pusat Kegiatan Guru (PKG).

3. *Netbook* tersebut akan diagihkan kepada sekolah-sekolah yang kekurangan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan ditempatkan dalam makmal komputer di sekolah rendah bagi membolehkan sekolah-sekolah tersebut melaksanakan program Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICTL). Program ICTL ini berfokus kepada pendedahan murid kepada peranti komputer serta kemahiran asas papan kekunci dan tetikus (keyboarding and mouse skill). Selain itu, program ini juga memberikan pendedahan murid kepada pemprosesan

perkataan (word processing), hamparan elektronik (electronic spread sheet) dan aplikasi persembahan (presentation applications).

4. Melalui kaedah pengagihan ini, pemberian khidmat sokongan, penyenggaraan dan proses pemantauan selepas pengagihan turut menjadi lebih mudah apabila semua *netbook* ini dipusatkan dan menjadi hak milik sekolah.
5. Sebahagian unit *netbook* ini juga akan disimpan di PKG yang berdekatan dan akan digunakan sebagai *loaner unit* apabila terdapat *netbook* yang rosak dan memerlukan masa yang lama untuk dibaik pulih. Dengan kemudahan unit gantian oleh PKG kepada sekolah, aduan kerosakan *netbook* ini dapat diselesaikan dengan lebih cepat dan efisien.
6. Sekolah-sekolah ini juga akan dibekalkan dengan *Charging cart* yang bertujuan untuk mengecas *netbook* tersebut serta berfungsi sebagai storan *netbook* berkunci selepas tamat waktu persekolahan.
7. Sehubungan itu, semua pengagihan akan dibuat oleh kontraktor SKMM dari *warehouse* ke lokasi agihan iaitu di semua sekolah dan PKG yang terpilih secara *door to door* sehingga ke stor penyimpanan atau bilik simpanan. SKMM akan membuat pengagihan secara berfasa. Tarikh akhir pengagihan adalah **15 Disember 2014**.
8. Pihak sekolah dan PKG perlu menyediakan stor atau tempat penyimpanan yang selamat bagi menempatkan *netbook* yang akan diterima. *Netbook* 1Malaysia ini adalah sumbangan dari Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) melalui SKMM di bawah Dana Pemberi Perkhidmatan Sejagat (USP). Tempoh jaminan *Netbook* 1Malaysia ini adalah **limited warranty iaitu berakhir pada 31 Disember 2015** dari bermula tarikh penerimaan *netbook* tersebut.


PENGAGIHAN NETBOOK 1MALAYSIA SUMBANGAN SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (SKMM) KE SEKOLAH-SEKOLAH DAN PUSAT KEGIATAN GURU (PKG), KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

9. Bersama-sama ini disertakan senarai pengagihan *Netbook 1Malaysia* yang telah dipersetujui bersama antara KPM, KKMM dan SKMM seperti di **Lampiran 1**.

10. Sehubungan itu, sila maklumkan kandungan surat ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Bahagian Teknologi Pendidikan, Pusat Kegiatan Guru, Pengetua dan Guru Besar sekolah-sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



TAN SRI DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

Senarai Edaran:

1. Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan
Pesiaran Bukit Kiara
50604 KUALA LUMPUR

2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05604 Alor Star
KEDAH

3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG

4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 Ipoh
PERAK

5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3e
Seksyen 4
40604 Shah Alam
SELANGOR